

15/10/1997

NITA pastikan pembangunan insan, prasarana, aplikasi

Hizral Tazzif Hisham

PROJEK Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan mengubah peranan rakyat Malaysia daripada menjadi pengguna kandungan dan aplikasi multimedia asing kepada pengeluar yang berinovasi dan berjaya menghasilkan aplikasi tempatan bertaraf antarabangsa.

Di samping itu, MSC adalah alat untuk membentuk masyarakat kaya dengan pengetahuan dan boleh menambah nilai serta dapat membantu meningkatkan produktiviti negara ke peringkat yang lebih tinggi bagi menjamin pertumbuhan ekonomi.

Masyarakat juga akan menjadi lebih matang, liberal, demokratik, toleran, prihatin dan adil kedudukan ekonominya - satu bentuk masyarakat madani yang diimpikan oleh Wawasan 2020.

MSC juga dapat mempercepatkan proses membudayakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan rakyat dan syarikat tempatan dengan menambah bilangan tenaga penyelidik, hasil bantuan daripada beberapa syarikat teknologi maklumat (IT) terbaik di dunia.

Malaysia yang masih kekurangan tenaga penyelidik dalam bidang R&D, hanya memiliki kira-kira 400 tenaga kerja bagi sejuta penduduk berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Switzerland yang mempunyai nisbah melebihi 4,000 tenaga kerja R&D bagi sejuta penduduk.

Sehubungan itu, kerajaan memperkenalkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) sebagai strategi mencapai matlamat berkenaan.

NITA memberi tumpuan kepada tiga elemen utama untuk membentuk masyarakat mulia iaitu pembangunan insan, pembangunan infrastruktur maklumat (kedua-dua infrastruktur perkakas dan perisian) dan pembangunan aplikasi.

Melalui penekanan ke atas pembangunan manusia, NITA membolehkan rakyat mengguna dan menguasai teknologi maklumat serta menggalakkan mereka mencipta penggunaan teknologi komputer yang inovatif bagi meningkatkan kandungan tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap sempena kempen kesedaran teknologi maklumat kebangsaan, minggu lalu berkata, projek MSC mengandungi ketiga-tiga elemen NITA dan ia adalah pendekatan utama dalam merealisasikan cita-cita serantau dan global.

"Projek ini adalah satu program untuk membawa masuk syarikat teknologi maklumat (IT) dan multimedia terkemuka dan terbaik di dunia ke Malaysia bagi membantu mencipta dan membangunkan aplikasi yang sesuai dengan budaya tempatan dan budaya Asia keseluruhannya," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Penekanan perlu diberi kepada aplikasi yang sesuai dengan pelbagai budaya kerana penggunaan Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil yang dipersembahkan dalam konteks budaya tempatan dapat memastikan kejayaan kesemua aplikasi perdana MSC.

"Potensi pemasaran aplikasi yang sesuai dengan pelbagai budaya adalah besar kerana budaya tempatan mengandungi elemen yang terdapat di negara mempunyai potensi pasaran yang besar."

"Mereka yang menggunakan perkhidmatan MSC akan beroleh faedah daripada aplikasi ini kerana mereka juga akan boleh mendapat maklumat dan pengetahuan, sesuai dengan keperluan dan cara hidup mereka," katanya.

Menurutnya, dengan MSC rakyat Malaysia akan menikmati kualiti hidup yang lebih baik manakala orang Asia dan bukan Asia dapat memperbaiki kehidupan mereka di peringkat sosial, politik, budaya, intelek, psikologi dan

rohani.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai beberapa aspek positif yang memberikannya kelebihan berbanding negara lain seperti pengalaman 25 tahun dalam industri elektrik dan elektronik, tenaga kerja berpendidikan tinggi dan mudah dilatih serta infrastruktur IT lebih maju.

Keunikan IT ialah ia berupaya menyentuh setiap aspek kehidupan dan berkebolehan menukar masyarakat keseluruhannya.

Beliau juga menyentuh mengenai cabaran dalam era maklumat seperti peningkatan globalisasi dan kemudahan mendapatkan maklumat akan menyebabkan persaingan serta percanggahan permintaan di kalangan masyarakat di samping penyalahgunaan maklumat.

Katanya, perubahan yang berlaku juga menyebabkan negara harus berhadapan dengan ketidaktentuan yang mana ia akan membawa kepada perubahan sosial, kesan keseluruhannya ke atas masyarakat, kebudayaan dan keadilannya belum dapat dipastikan lagi.

"Ada kemungkinan norma sosial dan budaya, amalan sosial dan sistem nilai setempat akan terhakis sama sekali. Terpulanglah kepada kita untuk membuat pilihan sama ada mengekalkannya atau membiarkannya hanyut dengan perubahan yang mungkin berlaku hingga hilang identiti dan personaliti budaya warisan budaya dan sosial," katanya.

(END)